

18/09/2003

Pengecualian cukai galak aktiviti R&D

Mohd Feroz Abu Bakar

PENGEQUALIAN cukai pendapatan sebanyak 50 peratus bagi honorarium atau royalti yang diterima berikutan pengkomersialan hasil penyelidikan dijangka akan meningkat dan menggalakkan lagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) di kalangan penyelidik tempatan.

Pengarah Institut Pengurusan Penyelidikan dan Perundingan (IPPP), Universiti Malaya, Prof Dr Muhamad Rasat Muhamad, berkata pengecualian cukai itu juga akan menggalakkan lebih banyak hasil R&D dipaten dan dikomersialkan untuk kegunaan domestik atau industri.

Selain itu, katanya, langkah kerajaan memansuhkan yuran pendaftaran paten oleh penyelidikan tempatan turut meringankan beban institusi penyelidikan, sekali gus membolehkan lebih banyak hasil R&D dipatenkan oleh institusi terbabit.

"Bagi penyelidik, pengecualian cukai pendapatan bagi royalti ini adalah insentif kewangan yang akan mendorong mereka bekerja lebih giat lagi.

"IPPP juga menyambut baik tindakan menjadikan Sirim sebagai pusat mempertemukan industri dengan kepakaran institusi penyelidikan kerana langkah ini akan menggiatkan R&D yang bersifat komersial.

"Dengan adanya penyelarasan antara institusi penyelidikan dengan industri ini, kita dapat melakukan lebih banyak kajian yang diperlukan pasaran," katanya mengulas mengenai pengecualian cukai itu, semalam.

Dalam Bajet 2004 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamd, minggu lalu, penyelidik yang menjalankan penyelidikan memberi tumpuan kepada nilai ditambah, dicadangkan pendapatan seperti honorarium atau royalti diperoleh daripada pengkomersialan hasil penyelidikan diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50 peratus selama lima tahun dari tarikh bayaran diterima.

Penyelidikan berkenaan hendaklah ditentu sah oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Sekarang, pendapatan yang diperoleh hasil pengkomersialan penyelidikan dikenakan cukai pendapatan.

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan dan Perancangan Korporat), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof Dr Mohd Azraai Kassim, berkata langkah kerajaan itu juga akan menggalakkan lagi proses komersialisasi hasil R&D oleh institusi penyelidikan.

Katanya, UTM menerusi Biro Inovasi dan Perundingan (Bip) mula mengkomersialkan hasil R&D pada 1992 dengan mengadakan forum khas antara universiti dan industri.

"Mengenai peranan Sirim, ia akan memperluas usaha R&D selari dengan keperluan industri secara lebih menyeluruh dan meliputi semua institusi penyelidikan.

"Sebelum ini, Bip menjalankan forum dengan industri untuk memperkenalkan hasil R&D UTM dan kepakaran pensyarah kami kepada industri.

"Langkah baru seperti yang diumumkan dalam Bajet 2004 secara umumnya akan menggalakkan komersialisasi hasil R&D semua institusi penyelidikan tempatan," katanya.

Sementara Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Zohadie Bardaie pula menyambut baik pengecualian cukai itu kerana ini sekali gus dapat menggalakkan lagi kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R&D) dari institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Katanya, sebagai IPTA paling banyak menerima peruntukan R&D daripada kerajaan, sewajarnya hasil produk itu dapat dipaten dan dikomersialkan lebih banyak dan pengecualian cukai itu dapat menggalakkan lebih banyak syarikat swasta dan korporat tampil membantu.

Tambahnya, langkah kerajaan memansuhkan yuran pendaftaran paten oleh penyelidikan tempatan turut meringankan beban institusi penyelidikan terutama IPTA dan sekali gus membolehkan lebih banyak hasil R&D dapat

dipatenkan.